

## **PREMIS DIDENDA DI MAHKAMAH SESYEN 3 DI MELAKA ATAS SATU PERTUDUHAN**

11 Januari 2021, MELAKA - Mahkamah Sesyen 3 Melaka telah menjatuhkan hukum ke atas sebuah kilang pembuatan kaca solar di Jasin, Melaka pada 10 Januari 2022. Pihak kilang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 34B(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. OKS mengaku salah di atas pertuduhan yang dibacakan dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 45,000.00 dan 1 hari penjara.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama